

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 38

Prospek ekonomi Islam lebih cerah

Prospek ekonomi Islam lebih cerah

KUALA LUMPUR – Ekonomi halal berpotensi untuk mencapai pertumbuhan dalam fasa pasca pandemik dengan perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan halal global diunjurkan meningkat kepada AS\$2.8 trilion (RM13 bilion) menjelang tahun 2025.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, penduduk Islam global telah mencecah 1.9 bilion orang pada 2019 dan diramalkan berkembang dua kali lebih cepat daripada keseluruhan populasi dunia.

"Akan ada sekurang-kurangnya tiga bilion umat Islam menjelang 2060, mewakili satu pertiga daripada populasi global, berdasarkan Pusat Penyelidikan Pew.

"Satu lagi faktor utama adalah ketersambungan digital dalam dunia Islam, yang mana berdasarkan data firma penyelidikan Newzoo, 15 daripada 50 negara yang mempunyai kadar penembusan telefon pintar tertinggi adalah dari Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

"Tuntutan untuk produk digital yang mesra Muslim, da-

ripada kewangan Islam kepada produk gaya hidup juga akan berkembang," katanya.


Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan Forum Perniagaan Muslim Global di sini semalam.

Mustapa menambah, Malaysia merupakan contoh teladan dalam ekonomi halal yang menyumbang 7.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Katanya, sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 adalah untuk meningkatkan sumbangan ekonomi halal kepada 8.1 peratus, selain menjana hasil eksport lebih daripada AS\$12 bilion (RM56 bilion) menjelang 2025.

"Berdasarkan Skor Penunjuk Ekonomi Islam Global, Malaysia telah menduduki tempat pertama selama sembilan tahun berturut-turut.

"Pelabur mesti menyedari potensi besar dalam ekonomi Islam global kerana terdapat peralihan yang jelas ke arah barangan dan perkhidmatan mesra Muslim daripada pasaran," ujarnya.



PELABURAN dalam ekonomi halal terus berkembang meskipun berdepan cabaran dalam pelbagai krisis global. – GAMBAR HIASAN